

# MIN tetapkan dasar kreativiti, inovasi

RH -  
5/12/2006

**K**UALA LUMPUR: Mesyuarat pertama Majlis Inovasi Negara (MIN), semalam menetapkan dasar menggalak pembudayaan kreativiti dan inovasi bagi dijadikan asas pembangunan modal insan sebagai persediaan mencapai matlamat negara maju menjelang 2020, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memberi jaminan akan menyediakan semua infrastruktur bagi memberi ruang kepada anak tempatan mencipta teknologi menggunakan inovasi serta kreativiti masing-masing dan tidak hanya meminjam teknologi orang lain.

“MIN akan berfungsi sebagai pemandu yang menolong kerajaan membuat dasar berhubung menggalakkan kegiatan inovasi dan kreativiti dalam negara, khususnya dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) berdaya maju.

“Majlis ini juga akan membuat penyelarasan program, projek atau

apa saja yang berkaitan inovasi serta kreativiti di kalangan sektor swasta selain agensi kerajaan supaya hasil ciptaan kita diterima pakai di pasaran tempatan selain dikomersialkan ke peringkat antarabangsa.

“MIN adalah gabungan pihak kerajaan dan sektor swasta untuk menyelia pembangunan masyarakat berdaya cipta, berinovasi dan bercirikan keusahawanan,” katanya pada sidang akhbar selepas selepas menghadiri mesyuarat MIN, di sini semalam.

Sejurus selepas mesyuarat itu, Perdana Menteri turut melancarkan Portal ‘Brain Gain’ Kebangsaan dan menyampaikan Anugerah Inovasi Negara.

Perdana Menteri juga meminta agensi kerajaan dan sektor swasta mengutamakan penggunaan hasil ciptaan tempatan dalam bidang masing-masing sebagai pengiktirafan terhadap keupayaan daya saing hasil inovasi rakyat sendiri.